



Ruj Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:100-6/1/5 Jld.2 69

Tarikh : 27 September 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN BIL. 2/2022

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran (PPN BKK) Bil. 2/2022 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 15 hingga 17 November 2022
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pulau Pinang, Jalan Batu Kawan, 14100 Simpang Ampat
P. Pinang

3. Sehubungan dengan itu, semua PPN BKK adalah dijemput menghadiri mesyuarat tersebut. PPN BKK juga hendaklah menyediakan slaid pembentangan berkaitan pengurusan keselamatan kebakaran di negeri masing-masing. Kandungan slaid hendaklah merangkumi pengurusan keselamatan kebakaran, kewangan, perancangan & pencapaian bahagian dan isu-isu teknikal yang berkaitan.

4. Bersama-sama ini disertakan minit mesyuarat PPN BKK Bil. 1/2022, borang maklum balas dan agenda mesyuarat seperti di Lampiran A dan B untuk perhatian lanjut. Pihak YS Dato'/Tuan dipohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai berkaitan untuk menghadiri mesyuarat tersebut dan mengemukakan maklum balas mesyuarat selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022 melalui e-mel amram.jaya@bomba.gov.my atau rosdan.kob@bomba.gov.my.

...2/-

"CEPAT DAN MESRA"



5. Sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan urusetia mesyuarat PgKB II Amram bin Jaya (03-8892 7703) dan PgB Tuan Rosdan bin Tuan Kob (03-8892 7705).

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI ROHANI BINTI NADIR)

Ketua Cawangan Perakuan Bomba

b.p Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

i. YAS Ketua Pengarah JBPM

- Mohon YAS Dato' Sri merasmikan
Majlis Perasmian Penutupan
Mesyuarat PPN BKK Bil.2/2022

ii. YS Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM

SENARAI EDARAN:

1. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
2. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
6. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
7. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
8. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
9. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
10. YS Komandan, ABPM Wilayah Tengah
11. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
12. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
13. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
14. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
15. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
16. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan
17. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis

SENARAI EDARAN DALAMAN:

1. Ketua Caw. Program Keselamatan Kesedaran Awam
2. Ketua Caw. Perakuan Keselamatan Kebakaran
3. Ketua Caw. Perakuan Bomba
4. Ketua Caw. Penghapusan Bahaya Kebakaran
5. Ketua Caw. Perakuan Pelesenan Bangunan
6. Ketua Caw. Pendaftaran Keselamatan Kebakaran
7. Ketua Caw. Piawaian Keselamatan Kebakaran
8. PgKB II Amram bin Jaya (Urusetia)
9. PgB Tuan Rosdan bin Tuan Kob (Urusetia)
10. PgB Mohd. Ashraf bin Tholibon (Urusetia)
11. PgB Ku Mohamad Hanif bin Ku Pera (Urusetia)

Lampiran A

**BORANG MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT
PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
BIL. 1/2022**

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
1.3.1	Semua PPN memantau pelaksanaan pemeriksaan/ujian pemasangan keselamatan kebakaran oleh pegawai-pegawai BKK di negeri masing-masing. Tindakan: Semua PPN	
1.3.2	Semua PPN mengemukakan senarai Premis Ditetapkan setiap bulan ke ibu pejabat bersama statistik perakuan bomba yang telah dikemaskini dan dianalisa. Tindakan: Semua PPN dan Pegawai statistik HQ	
1.3.3	Semua PPN mengemaskini KPI Menteri bagi perakuan bomba mengikut suku tahun (<i>quarterly</i>) dan dimajukan kepada BKK Ibu Pejabat untuk diselaraskan kepada Bahagian Korporat. Tindakan: Semua PPN dan Pegawai statistik HQ	
1.3.4	Semua PPN memastikan pegawai memeriksa yang melibatkan perakuan bomba hendaklah kompeten dan sentiasa membuat persediaan yang rapi sekiranya terdapat kes pendakwaan perakuan bomba. Tindakan: Semua PPN	
1.3.5	Ketua Caw. PKKA dan PPN membuat analisa statistik punca kebakaran untuk diselaraskan dengan program ceramah dan latihan (<i>evacuation drill, evacuation fire drill dan mock drill</i>) termasuklah Majlis Keselamatan	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	Awam di Air (MKAA) supaya semua program KKA seiring dengan kehendak dan keperluan semasa. Tindakan: Caw. PKKA/PPN	
3.1.2	Kursus pelesenan kepada pegawai memeriksa yang menjalankan pemeriksaan pelesenan terutamanya di peringkat balai. Caw. Pelesenan hendaklah merangka modul yang sesuai dan menyelaraskan semula kursus yang berkaitan mengikut keperluan. Tindakan: Caw. Pelesenan	
3.1.3	Kursus Sistem Pengurusan Asap (<i>Smoke Management System</i>) perlu dirangka dengan sebaiknya berdasarkan piawaian yang berkaitan khususnya garis panduan dan tatacara bagi pelaksanaan ujian sistem pengurusan asap untuk diselaraskan disemua negeri. Tindakan: Ts. Dr. Mohd Zaid	
3.1.4	Rekod kursus yang dihadiri oleh pegawai hendaklah direkod di peringkat Ibu Pejabat JBPM. Cadangan nama pegawai untuk hadir kursus akan dicadang oleh BKK Ibu Pejabat JBPM. Tindakan: Caw. PBK	
3.1.5	Kursus dalaman oleh BKK negeri kepada BKK Zon dan balai boleh diadakan sekiranya ada keperluan. BKK Negeri hendaklah merancang dan menyelaraskan kursus mengikut modul yang sesuai berdasarkan keperluan semasa. Tindakan: Semua PPN	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
3.5.1	Mesyuarat bersetuju supaya sesi penerangan kepada pihak berkepentingan berkaitan kelulusan dan pendaftaran Perakuan Keselamatan Kebakaran bagi pam bomba dilaksanakan bersama Bahagian R & P. Tindakan: Caw. PKK	
3.6.1	semua PPN menilai semula sistem pengurusan rekod di negeri masing-masing khususnya berkaitan perakuan pelan dan fail projek. Bilik rekod hendaklah dipastikan selamat dan kawalan secara efisien dan sistematik ke atas pengwujudan, penerimaan, penyelenggaraan, penggunaan dan pelupusan rekod. Sistem pengurusan rekod hendaklah diurus dengan baik selaras dengan kehendak MS ISO dan Arkib Negara Malaysia dan lain-lain arahan yang sedang berkuatkuasa. Tindakan: Semua PPN	
3.7.1	Mesyuarat bersetuju supaya pada mesyuarat PPN yang akan datang dan seterusnya supaya semua PPN membentangkan pengurusan BKK di negeri masing-masing. Kandungan pembentangan hendaklah merangkumi laporan perancangan dan pencapaian cawangan-cawangan BKK negeri, keewangan, isu-isu teknikal dan sebagainya. Tindakan: Semua PPN	
4.2.2 i.	Sasaran pencapaian Perakuan Bomba (FC) 90% adalah mengambil kira pengeluaran FC dan juga permohonan FC yang masih dalam tindakan JBPM. Tindakan: Caw. Perakuan Bomba	
4.2.2 ii.	Supaya pencerahan diberikan berhubung saranan jabatan untuk tidak menyokong permohonan sewaan ruang pejabat bagi Premis Ditetapkan	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	yang tidak mempunyai CCC dan FC. Ini disebabkan premis tersebut masih beroperasi seperti biasa dan ramai agensi swasta yang menyewa dipremis berkenaan. Tindakan: Caw. Pelesenan	
4.2.2 iii.	Supaya pencerahan diberikan berkaitan sokongan pelesenan bagi bangunan swasta yang tidak memiliki CCC dan berada diluar kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sokongan pelesenan bagi premis kerajaan yang memiliki CPC selain daripada CCC. Tindakan: Caw. Pelesenan	
4.8.2 i.	Perkara dibangkitkan oleh BKK P.Pinang Kaedah untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pegawai BKK dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan Akta 341. Supaya BKK negeri adakan kursus yang bersesuaian berdasarkan kumpulan sasar dan dapatkan rakaman video proses pendakwaan di mahkamah (edaran secara personal) daripada Tuan Pisar atau Tuan Yan dari Bahagian Penyiasatan untuk dijadikan panduan. Tindakan: Caw. PBK	
4.9.2 ii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Johor Tatacara sokongan bagi sewaan bangunan kerajaan kepada pihak swasta.	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	Supaya Cawangan Pelesenan membuat semakan terhadap prosedur sedia ada untuk tentukan kaedah pelaksanaan untuk pengeluaran sokongan atau ulasan kepada pemohon. Tindakan: Caw. Pelesenan	
4.10.2	Perkara dibangkitkan oleh BKK Pahang Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Pahang bahawa pihak sekolah ada mencadangkan supaya pelaksanaan Lencana Api di letakkan di bawah Pengakap atau Kelab Remaja Sekolah. Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi supaya Cawangan Kesedaran Keselamatan Awam memperjelaskan berkaitan penubuhan dan pelaksanaan pasukan Lencana Api di sekolah-sekolah. Tindakan: Caw. PKKA	
4.11.2 ii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Sabah Memohon kebenaran supaya kajian pelan yang bersistem dilaksanakan di peringkat Zon. Penilaian perlu dibuat terhadap pegawai di pejabat zon untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran mereka bagi memproses/kajian pelan M&E. Tindakan: BKK Sabah	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
4.12.2 i.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Kelantan Kecekapan (performance) komputer yang digunakan bagi pelaksanaan sistem eFEIS semakin merosot disebabkan jangka hayat yang lama. Mohon dibuat penggantian komputer seiring dengan peningkatan teknologi. BKK Kelantan dinasihatkan supaya membuat semakan dengan pihak ICT negeri untuk penyelenggaraan dan/atau penggantian computer berdasarkan syor yang terbaik bagi memastikan proses kerja berjalan lancar. Tindakan: BKK Kelantan	
4.12.2 ii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Kelantan Pengisian perjawatan Pegawai Pemeriksa Alat Pemadam Api di pusat eFEIS yang dipinjam dari Bahagian Operasi dan balai sebolehnya dari kalangan pegawai yang mahir menggunakan komputer. BKK Kelantan perlu berbincang dengan YS PBN berhubung pemilihan pegawai pemeriksa alat pemadam api dari kalangan pegawai bomba yang berkebolehan menggunakan komputer memandangkan tugasan di Pusat eFEIS memerlukan pegawai boleh menggunakan komputer. Tindakan: BKK Kelantan	
4.12.2 iii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Kelantan BKK Kelantan menghadapi kekangan kenderaan yang agak kritikal menyebabkan perancangan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemeriksaan premis terjejas.	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	BKK Kelantan diminta menyediakan kertas cadangan yang lengkap berserta analisa dan justifikasi tentang keperluan kenderaan untuk tindakan lanjut. Tindakan: BKK Kelantan	
4.13.2 i.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Terengganu BKK Terengganu memohon supaya dibekalkan jadual kadar harga alat cenderahati bagi memudahkan proses perolehan. Permohonan semakan jadual kadar harga telah dimajukan kepada KPKT untuk semakan. Jadual tersebut perlu diedarkan ke negeri-negeri setelah mendapat pengesahan daripada pihak KPKT. Tindakan: Caw. PKKA	
4.13.2 ii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Terengganu Perjawatan BKK Terengganu terjejas apabila kekosongan yang tidak diisi setelah pegawai BKK dipindahkan bertugas di Balai. YS Pengerusi memaklumkan supaya perkara tersebut diselesaikan diperingkat negeri bersama YS PBN dengan mengambil kira analisa beban tugas dan lain-lain. Tindakan: BKK Terengganu	
4.14.2	Perkara dibangkitkan oleh BKK Perlis Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Perlis supaya diadakan kandungan ceramah yang seragam bagi modul MKAA.	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi supaya Cawangan KKA menyediakan silibus ceramah yang standard dan boleh digunakan disemua negeri. Cawangan KKA boleh merujuk kepada silibus MKAA yang telah dilaksanakan bersama Persatuan Penyelamat Di Air Pulau Pinang sebelum ini. Tindakan: Caw. PKKA	
4.15.2 i.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Labuan Kursus pengukuhan BKK di adakan di Labuan termasuk Sabah dan Sarawak supaya lebih ramai pegawai dapat menyertainya. Sekiranya dibuat di Akademi Bomba, keterlibatan pegawai BKK adalah terhad disebabkan oleh implikasi kewangan. BKK negeri diminta mengemukakan input kepada BKK Ibu Pejabat berhubung keperluan kursus untuk diselenggarakan. Keperluan kursus hendaklah dinyatakan dengan jelas khususnya silibus dan kumpulan sasaran. Tindakan: Semua PPN	
4.15.2 iii.	Perkara dibangkitkan oleh BKK Labuan Supaya diadakan Garis Panduan Bagi Taska Di Air memandangkan terdapat permohonan pelesenan bagi taska kategori tersebut di Labuan. Permohonan taska di air tidak diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PlanMalaysia), KPKT. Perkara tersebut perlu juga dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Jabatan	

NO. MINIT	PERKARA	MAKLUM BALAS
	Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi mendapatkan maklumat lanjut. Tindakan: Caw. Pelesenan	
4.16.2	Perkara dibangkitkan oleh BKK Putrajaya Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Putrajaya berhubung isu Perakuan Bomba bagi hospital kerajaan yang telah tamat tempoh notis FC 6 dan tiada tindakan pematuhan dilakukan kerana kekangan peruntukan. Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi supaya BKK Putrajaya menyelesaikan perkara tersebut dengan pihak hospital agar dapat jalan penyelesaian terbaik dengan mengambil kira alasan munabah dari pihak hospital dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Tindakan: BKK Putrajaya	

Lampiran B

Agenda Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran Bil. 2/2022

Tarikh : 15 hingga 17 November 2022 (Isnin hingga Khamis)

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Tempat : Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pulau Pinang, Jalan Batu Kawan, 14100 Simpang Ampat
Pulau Pinang

14 November 2022 (Isnin)	
Masa	Perkara
2.00 petang	Daftar masuk
HARI PERTAMA - 15 November 2022 (Selasa)	
7.00 pagi	Sarapan pagi
8.00 pagi	Ucapan aluan YS Pengarah BKK
10.30 pagi	Minum pagi
11.00 pagi	Pengesahan minit msyuarat PPN Bil. 1/2022
1.00 tengahari	Makan tengahari
2.30 petang – 5.00 petang	Pembentangan oleh PPN BKK Negeri
HARI KEDUA - 16 November 2022 (Rabu)	
8.00 pagi	Pembentangan oleh PPN BKK Negeri
10.30 pagi	Minum pagi
11.00 pagi	Pembentangan oleh PPN BKK Negeri
1.00 tengahari	Makan tengahari
2.30 petang – 5.00 petang	Rumusan dan penutup mesyuarat PPN BKK Bil.2/2022
HARI KETIGA - 17 November 2022 (Khamis)	
8.00 pagi	Persiapan Majlis Perasmian Penutupan Mesyuarat PPN BKK Bil.2/2022
10.00 pagi	Majlis Perasmian Penutupan Mesyuarat PPN BKK Bil.2/2022
1.00 tengahari	Makan tengahari dan bersurai

Nota: Makan malam tidak disediakan.

**MINIT MESYUARAT
PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
BIL. 1/2022**

Tarikh: 15 hingga 17 Mac 2022
Tempat: Raia Hotel, Alor Setar, Kedah

SENARAI KEHADIRAN

HADIR

- | | |
|---|------------------|
| 1. TPjB Ts. Ahmad Izram bin Osman
Pengarah BKK | Pengerusi |
| | |
| 2. PPjB Abdul Halim bin Mohamed Jadi
Ketua Pengajian Penyiasatan Kebakaran ABPM Wilayah Tengah | |
| | |
| 3. PgKB I Hasrin bin Hasbi
Ketua Caw. Penghapusan Bahaya Kebakaran | |
| | |
| 4. PgKB I Wan Ahmad Mukhriz bin Wan Mohamed Dumiri
Ketua Caw. Perakuan Pelesenan | |
| | |
| 5. PgKB I Wan Ahmad Fadillah bin Wan Abdul Rahman
JBPM Negeri Pahang | |
| | |
| 6. PgKB I Syed Azman bin Syed Ghazali
JBPM Negeri Perak | |
| | |
| 7. PgKB I Farid Asyhadi bin Assaad
JBPM Negeri Selangor | |
| | |
| 8. PgKB I Tarmizi bin Jaafar
JBPM Negeri Johor | |
| | |
| 9. PgKB I Yusri bin Mohd Yusoff@Hashim
JBPM Negeri Pulau Pinang | |
| | |
| 10. PgKB I Jemros bin Olin
JBPM Negeri Sabah | |

25. PgKB II Amram bin Jaya
Caw. Piawaian Keselamatan Kebakaran

26. PgKB I Nur Mahathir bin Mohamad
JBPM Kuala Lumpur

Urus setia

27. PgKB II Ahmadi bin Muhamad Hasan
Caw. Program Keselamatan Kesedaran Awam

Setiausaha

28. PgB Tuan Rosdan bin Tuan Kob
Caw. Perakuan Bomba

29. PgB Mohd. Tauffieq bin Mohd. Sharif
Caw. Perakuan Keselamatan Bangunan

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
1.0	KATA ALUAN PENERUSI	
	1.2 YS Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat ke Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran (PPN BKK) Bil. 1/2022.	Makluman
	1.3 YS Pengerusi seterusnya membangkitkan mengenai perkara-perkara berikut:	
	1.3.1 Supaya semua PPN memantau pelaksanaan pemeriksaan/ujian pemasangan keselamatan kebakaran oleh pegawai-pegawai BKK di negeri masing-masing.	Semua PPN
	1.3.2 Supaya semua PPN mengemukakan senarai Premis Ditetapkan setiap bulan ke ibu pejabat bersama statistik perakuan bomba yang telah dikemaskini dan dianalisa.	Semua PPN/Pegawai statistik BKK HQ
	1.3.3 Supaya semua PPN mengemaskini KPI Menteri bagi perakuan bomba mengikut suku tahun (quarterly) dan dimajukan kepada BKK Ibu Pejabat untuk diselaraskan kepada Bahagian Korporat.	Semua PPN/Pegawai statistik BKK HQ

	1.3.11 Supaya BKK HQ dan PPN memastikan penggunaan piawaian perlulah selaras dengan piawaian yang disenaraikan dalam UBBL. Piawaian yang ingin digunapakai selain yang disenaraikan dalam UBBL hendaklah mendapat kebenaran pemakaiannya daripada BKK HQ.	Makluman
	1.3.12 Supaya semua PPN menguatkuasakan PTKP berkaitan <i>cladding</i> bagi bangunan baharu. PPN juga hendaklah memantau pelaksanaan penguatkuasaan <i>cladding</i> bagi bangunan sedia ada selaras dengan arahan PTKP tersebut.	Makluman
	1.3.13 Supaya semua PPN memberikan keutamaan yang sewajarnya bagi kajian pelan projek-projek kerajaan, GLC dan projek-projek yang ada kepentingan kerajaan bagi mengelakkan isu kelewatan. Sejak akhir-akhir terdapat pengadu yang membuat aduan secara terus kepada KSN berkaitan kelewatan JBPM dalam meluluskan pelan yang dikemukakan.	Makluman
	1.3.14 Supaya semua PPN mematuhi sepenuhnya pembahagian bidang kuasa kajian pelan berdasarkan Arahan Keselamatan Kebakaran Tahun 2007.	Makluman
	1.3.15 Supaya semua PPN memastikan pemeriksaan bangunan kerajaan bagi tujuan Perakuan Bomba hendaklah dilaksanakan berdasarkan arahan yang sedia ada. Sekiranya wujud isu berbangkit perlulah dimajukan kepada Pejabat Peguam Negara untuk keputusan penyelesaian.	Makluman
	1.3.16 Supaya penguatkuasaan Akta 341 bagi premis-premis kerajaan dilaksanakan mengikut peruntukan sediaada yang sedang berkuatkuasa. Sekiranya terdapat isu berbangkit contohnya isu <i>crown immunity</i> hendaklah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) untuk penyelesaian berdasarkan <i>case to case basis</i>.	Makluman
	1.3.17 Supaya semua PPN membuat semakan terperinci bagi memastikan pelan piawaian yang dikemukakan ke negeri adalah sama sebagaimana yang telah diluluskan di peringkat Ibu pejabat. Sebarang pindaan kepada pelan piawaian oleh agensi yang berkaitan hendaklah merujuk kepada Ibu Pejabat JBPM.	Makluman

	3.1.4 Rekod kursus yang dihadiri oleh pegawai hendaklah direkod di peringkat Ibu Pejabat JBPM. Cadangan nama pegawai untuk hadiri kursus akan dicadang oleh BKK Ibu Pejabat JBPM.	Caw. MBK
	3.1.5 Kursus dalaman oleh BKK negeri kepada BKK Zon dan balai boleh diadakan sekiranya ada keperluan. BKK Negeri hendaklah merancang dan menyelaraskan kursus mengikut modul yang sesuai berdasarkan keperluan semasa.	Semua PPN
	3.2 Seminar Pindaan UBBL 1984 (Pindaan 2021) 3.2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Seminar Pindaan UBBL 2021 akan diadakan pada bulan Mac dan April 2022 mengikut zon dan penganjur (host) yang ditetapkan seperti berikut: i) Putrajaya ii) Pulau Pinang iii) Sarawak iv) Pahang v) Melaka vi) Sabah	Makluman
	3.3 Pindaan Fi pemeriksaan akan dikuatkuasakan 3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pelaksanaan Fi Tugas Khas (Pindaan 2021) akan jalankan serentak pada Januari 2023.	Makluman
	3.4 Pelaksanaan OKK 3.4.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara-perkara yang dimasukkan dalam Peraturan dan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) adalah mengambilkira pendapat ramai melalui kolaborasi dan libat urus yang dilaksanakan bersama badan professional. 3.4.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa BKK dalam proses akhir menyiapkan PTKP berkaitan OKK dan akan dikuatkuasakan setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Keselamatan Kebakaran.	Makluman Makluman

	4.2 BKK Perak 4.2.2 Mesyuarat mengambil maklum penjelasan BKK Perak seperti berikut: i. supaya sasaran pencapaian Perakuan Bomba (FC) 90% adalah mengambilkira pengeluaran FC dan juga permohona FC yang masih dalam tindakan JBPM.	
		Makluman
	ii. supaya pencerahan diberikan berhubung saranan jabatan untuk tidak menyokong permohonan sewaan ruang pejabat bagi Premis Ditetapkan yang tidak mempunyai CCC dan FC. Ini disebabkan premis tersebut masih beroperasi seperti biasa dan ramai agensi swasta yang menyewa dipremis berkenaan.	Makluman
	iii. supaya pencerahan diberikan berkaitan sokongan pelesenan bagi bangunan swasta yang tidak memiliki CCC dan berada diluar kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sokongan pelesenan bagi premis kerajaan yang memiliki CPC selain daripada CCC.	Makluman
	4.2.3 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengarah supaya sokongan JRP hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Surat Arahan Ketua Pengarah berkaitan sokongan JRP yang bertarikh 21/9/2021.	Makluman
	4.3 BKK Kedah 4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Kedah berkaitan isu pelesenan tempat simpanan LNG. BKK Kedah meletakkan syarat bahawa pemohon perlu mengemukakan sokongan <i>Approval to Install (ATI)</i> dan <i>Approval To Operate (ATO)</i> daripada Suruhanjaya Tenaga.	Makluman
	4.4 BKK Sarawak 4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Sarawak berhubung isu perjawatan pegawai BKK yang agak kritikal dan perlu penyelesaian segera samada secara jangka pendek dan jangka Panjang.	Makluman
	4.5 BKK Negeri Sembilan 4.5.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Negeri Sembilan berhubung kekurangan pengisian perjawatan pegawai BKK dan masalah kenderaan yang tidak mencukupi untuk	Makluman

	memandangkan dalam seksyen 33, Akta 341 orang yang melakukan kesalahan adalah pemunya.	
	4.7.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi seperti berikut: i) Perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan (JKP) perlu mengikut arahan yang sedang berkuatkuasa. Pengerusi Mesyuarat JKP adalah PBN/TPBN/Ketua Zon.	Makluman
	4.8 BKK Pulau Pinang 4.8.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Pulau Pinang seperti berikut: i) Supaya dibincangkan berhubung kaedah untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pegawai BKK dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan Akta 341. 4.8.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi seperti berikut: i) supaya BKK negeri adakan kursus yang bersesuaian berdasarkan kumpulan sasar dan dapatkan rakaman video proses pendakwaan di mahkamah (edaran secara personal) daripada Tuan Pisar atau Tuan Yan dari Bahagian Penyiasatan untuk dijadikan panduan. 4.9 BKK Johor 4.9.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Johor seperti berikut: i) supaya urusan pembayaran pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) melalui sistem eFEIS dilaksanakan oleh cawangan kewangan JBPM Negeri Johor; ii) Tatacara sokongan bagi sewaan bangunan kerajaan kepada pihak swasta. 4.9.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi seperti berikut:	Makluman Caw. MBK Makluman Makluman

	4.1.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi seperti berikut:	
	i) Kursus asas dan <i>refresher</i> bagi competent person telah dilaksanakan secara bersama oleh pihak koperasi (KOBOPem) dan JBPM. Sehubungan itu, penetapan tarikh dan lokasi kursus akan dikeluarkan oleh pihak KOBOPem.	Makluman
	ii) Penilaian perlu dibuat terhadap pegawai di pejabat zon untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran mereka bagi memproses/kajian pelan M&E.	BKK Sabah
	iii) Sekiranya ada permohonan sebegini, boleh merujuk kepada pihak BKK Ibu Pejabat JBPM.	Makluman
	4.12 PPN BKK Kelantan	
	4.12.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Kelantan berkaitan perkara berikut:	
	i) Kecekapan (performance) komputer yang digunakan bagi pelaksanaan sistem eFEIS semakin merosot disebabkan jangka hayat yang lama. Mohon dibuat penggantian computer seiring dengan peningkatan teknologi.	Makluman
	ii) Pengisian perjawatan Pegawai Pemeriksa Alat Pemadam Api di pusat eFEIS yang dipinjam dari Bahagian Operasi dan balai sebolehnya dari kalangan pegawai yang mahir menggunakan komputer.	Makluman
	iii) BKK Kelantan menghadapi kekangan kenderaan yang agak kritikal menyebabkan perancangan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemeriksaan premis terjejas.	Makluman
	iv) BKK Kelantan menghadapi kekangan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan penubuhan Bomba Unit.	Makluman

	perlu diedarkan ke negeri-negeri setelah mendapat pengesahan daripada pihak KPKT.	
	ii) YS Pengerusi memaklumkan supaya perkara tersebut diselesaikan diperingkat negeri bersama YS PBN dengan mengambilkira analisa beban tugas dan lain-lain.	BKK Terengganu
	4.14 BKK Perlis	
	4.14.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Perlis supaya diadakan kandungan ceramah yang seragam bagi modul MKAA.	Makluman
	4.14.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi supaya Cawangan KKA menyediakan silibus ceramah yang standard dan boleh digunakan disemua negeri. Cawangan KKA boleh merujuk kepada silibus MKAA yang telah dilaksanakan bersama Persatuan Penyelamat Di Air Pulau Pinang sebelum ini.	Caw. PKKA
	4.15 BKK Labuan	
	4.15.1 Mesyuarat mengambil maklum keterangan BKK Labuan seperti berikut:	
	i) supaya kursus pengukuhan BKK di adakan di Labuan termasuk Sabah dan Sarawak supaya lebih ramai pegawai dapat menyertainya. Sekiranya dibuat di Akademi Bomba, keterlibatan pegawai BKK adalah terhad disebabkan oleh implikasi kewangan.	Makluman
	ii) BKK Labuan memaklumkan bahawa terdapat teguran berkaitan penyimpanan rekod dan pelan semasa pengauditan oleh pihak Arked Negara Malaysia.	Makluman
	iii) Supaya diadakan Garis Panduan Bagi Taska Di Air memandangkan terdapat permohonan pelesenan bagi taska kategori tersebut di Labuan.	Makluman
	4.15.2 Mesyuarat bersetuju dengan keputusan YS Pengerusi seperti berikut:	

	5.2 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.00 petang dan Mesyuarat PPN Bil. 2/2022 yang akan datang akan diadakan di JBPM Negeri Sabah. Urusetia mesyuarat diminta menentukan tarikh yang sesuai supaya tiada pertembungan dengan aktiviti jabatan yang lain bagi melancarkan proses mesyuarat.	
--	--	--

Disediakan oleh:

Urusetia Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran Bil. 2/2021

Disemak oleh:



(PgKB II AMRAM BIN JAYA)
 Caw. Piawaran Keselamatan Kebakaran
 Tarikh:

Disahkan oleh:



(TS. AHMAD IZRAM BIN OSMAN)
 Pengarah
 Bahagian Keselamatan Kebakaran
 Tarikh: